

أَلَمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ۝ أَمْ تَرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا

رُسُلَكُمْ كَمَا سَأَلَ مُوسَى مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَتَّبِعِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ۝

Tidakkah engkau mengetahui bahawa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah? Dan tiada bagimu selain Allah seorang pelindung mahupun seorang penolong. [107].

Apakah kamu mahu meminta kepada Rasulmu seperti Bani Israil meminta kepada Musa sebelum ini?¹⁶⁷ Sesiapa yang menukar iman dengan kekufuran, maka sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang lurus.¹⁶⁸ [108].

lidahmu); (17). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; (18). Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (19). (al-Qiyaamah:16-19).

Jika anda memakainya dengan erti “Kami melupakan manusia terhadap mu’jizat yang pernah diberikan kepada mana-mana nabi terdahulu”, maka dengan mudah saja ia akan dapat difahami. Kerana sudah menjadi tabi’at manusia akan terlupa kepada sesuatu yang telah lampau pada masa lalu yang agak lama. Demikian juga kalau ia dipakai dengan erti “Kami menjadikan mu’jizat yang pernah diberikan kepada nabi terdahulu tidak begitu diperlukan kerana perubahan zaman yang telah berlaku. Manusia di zaman kemudian lebih memerlukan kepada mu’jizat lain sebagai gantinya. Dan sebaik-baik gantinya ialah al-Qur’an, satu mu’jizat yang hidup dan akan terus kekal walaupun pembawanya sudah tiada nanti.

¹⁶⁷ Tidak disebutkan dengan jelas di sini permintaan Bani Israil kepada Nabi Musa yang dimaksudkan secara tepat. Jika dilihat kepada beberapa firman Allah di dalam al-Qur’an, maka tersebut beberapa juga permintaan mereka yang ganas dan amat tidak wajar dikemukakan kepada Nabi Musa a.s. Kerana ia bererti mencabar Tuhan, kekufuran dan kesyirikan, di samping kebiadaban terhadap Rasul Allah. Mari kita lihat firman-firman Allah berkenaan:

وَجَنَوزْنَا بَنِي إِسْرَءِيلَ الْبَحْرَ فَأَتَوْا عَلَى قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَى أَصْنَامٍ لَهُمْ قَالُوا يَمُوسَى اجْعَلْ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمْ آلِهَةٌ قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ۝

Bermaksud: Dan Kami bawakan Bani Israil ke sebarang Laut (Merah) itu lalu mereka sampai kepada suatu kaum yang sedang menyembah berhala-berhalanya. (Melihatkan yang demikian) Mereka (Bani Israil) berkata: Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhala) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan. Nabi Musa menjawab: Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil. (al-A’raaf:138).

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمُوسَى لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى نَرَى اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّاعِقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ۝

Dan (kenangilah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” Maka kamu disambar petir, sedang kamu sendiri melihat (peristiwa itu). (al-Baqarah:55).

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَنْ تُنَزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِنَ السَّمَاءِ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَى أَكْبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ الصَّاعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ثُمَّ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ فَعَفَوْنَا عَنْ ذَلِكَ وَإِنَّا لَمُسْلِمُونَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Ahli Kitab (kaum Yahudi) meminta kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menurunkan kepada mereka sebuah Kitab dari langit. (Janganlah engkau merasa pelik, kerana) Sesungguhnya mereka telah meminta kepada (Nabi) Musa lebih besar dari itu. Mereka berkata: “(Wahai Musa) perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata (supaya kami dapat melihatNya dan percaya kepadaNya).” Maka mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka (menderhaka kepada Allah); kemudian mereka menyembah (patung) anak lembu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (mu`jizat), lalu Kami maafkan mereka dari perbuatan yang sedemikian itu (apabila mereka bertaubat), dan Kami telah memberi kepada (Nabi) Musa kekuasaan yang nyata (untuk mengalahkan kaum yang kafir itu). (an-Nisaa’:153).

Orang-orang Yahudi dan golongan-golongan kafir yang lain semasa menuntut dan mencabar Nabi s.a.w. supaya mengemukakan kepada mereka mu`jizat-mu`jizat zahir seperti yang pernah diberikan kepada Nabi Musa dan `Isa dahulu berkata, “Jika engkau benar-benar rasul Allah sebagaimana yang dida`wa olehmu, maka kemukakanlah mu`jizat-mu`jizat zahir seperti yang pernah dikemukakan oleh Nabi Musa dan Nabi `Isa dahulu.” Malah mereka menyebutkan apakah bentuk-bentuk mu`jizat zahir yang sepatutnya dapat dikemukakan Rasulullah jika Baginda benar-benar utusan Allah. Cabaran dan permintaan mereka itu dirakamkan oleh Allah di dalam firmanNya seperti berikut:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَى أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾ وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِنْ نَخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمَتْ عَلَيْنَا كِسْفًا أَوْ تَأْتِيَ بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِنْ زُخْرِفٍ أَوْ تَرْقَى فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِزُفْيِكَ حَتَّى تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَقْرؤهٓ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٣﴾ وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَنْ يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٤﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang-ulang kepada manusia, di dalam Al-Quran ini, dengan berbagai-bagai contoh perbandingan (yang mendatangkan iktibar); dalam pada itu, kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain dari kekufuran. (89). Dan mereka berkata: Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan mata air dari bumi bagi Kami. (90). Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُّوْكُمْ مِّنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا ۚ حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنْفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ ۚ فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهَ بِأَمْرِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا وَلَا تُأَخِّرُوا خَيْرٌ مِّنْ حَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۝ وَقَالُوا لَن يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرَىٰ ۚ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝ بَلَىٰ مَن أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِندَ رَبِّهِ ۖ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۝

Ramai Ahli Kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir semula setelah kamu beriman, kerana hasad dengki dari diri mereka (sendiri), sesudah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka. Maka maafkanlah dan biarkanlah mereka¹⁶⁹ sehingga Allah menurunkan

aliran yang terpancar terus-menerus. (91). Atau (sehingga) engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau katakan (akan berlaku); atau (sehingga) engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya. (92). Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya. Katakanlah (wahai Muhammad): Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul? (93). Dan tiadalah yang menghalang orang-orang musyrik itu dari beriman ketika datang kepada mereka hidayat petunjuk, melainkan (keingkaran mereka tentang manusia menjadi Rasul, sehingga) mereka berkata dengan hairan: Patutkah Allah mengutus seorang manusia menjadi Rasul? (94). (al-Israa': 89-94).

¹⁶⁸ Melalui ayat ini Allah menempelak orang-orang yang mahukan mu'jizat daripada Rasulullah s.a.w. seperti mu'jizat-mu'jizat yang pernah diberikan kepada Musa dahulu. Padahal Allah menghendaki mu'jizat al-Qur'an untuk umat ini sebagai ganti mu'jizat-mu'jizat seperti yang pernah diberikan kepada Musa, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang bersifat sementara waktu, mu'jizat-mu'jizat yang lenyap dengan wafatnya rasul Allah.

¹⁶⁹ Begitulah sepatutnya sikap kita umat Islam. Allah mengajarkan kita supaya memaafkan, membiarkan dan tidak menghiraukan orang-orang yang jahil. firmanNya:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ۝

Bermaksud: Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan perkara yang baik, serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil. (al-A'raaf:199).

perintahNya.¹⁷⁰ Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

[109]

¹⁷⁰ Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan rangkai kata "بأمره" di dalam firman Allah ini dipakai dengan erti "perintahNya". Sama ada perintah Allah itu berupa perintah serangan terhadap orang-orang Yahudi dan pengusiran mereka dari bumi Madinah kemudiannya, seperti tersebut di dalam firman Allah di dalam Surah al-Hasyr berikut:

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَنْتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَتْهُمْ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يٰأَوَّلِيَ الْبَصَرِ ۖ وَلَوْلَا أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَآءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ ثَالِثٌ

﴿٢﴾

Bermaksud: Dialah yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di antara Ahli Kitab dari kampung halaman mereka pada julung-julung kali mereka berhimpun (hendak memerangi Rasulullah). Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan bilangannya yang ramai dan pertahanannya yang kuat) dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi perlindungan kepada mereka dari (azab) Allah. Maka Allah menimpakan (azabNya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam fikiran mereka, serta dilemparkanNya perasaan cemas takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar). Maka insafilah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya. (2)

Dan kalaulah tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran (yang demikian buruknya) terhadap mereka, tentulah Dia akan menyeksa mereka di dunia dan mereka pula akan beroleh azab seksa Neraka pada hari akhirat kelak. (3) (al-Hasyr:2-3).

Perintah Allah ini merupakan SunnahNya (سنة الله) di alam semesta (أمر تكويني), di samping ia juga merupakan hukum syari'at Islam (أمر تشريعي).

Atau mungkin juga ia adalah perintah Allah di dalam Surah at-taubah. Jika itulah perintahNya, maka ia adalah perintah berupa hukum syari'at (أمر تشريعي). Lihat ayat di dalam Surah at-Taubah berkenaan:

فَقَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا

الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٥﴾

Bermaksud: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri. (at-Taubah:29).

Dirikanlah shalat dan tunaikanlah zakat. Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk dirimu, akan kamu dapati balasannya di sisi Allah.¹⁷¹

Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang kamu lakukan. [110].

Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) menda'wa: "Sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani."¹⁷² Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah: "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu memang orang-orang yang benar." [111].

(Tidak demikian) bahkan sesiapa sahaja yang menyerahkan dirinya kepada Allah¹⁷³ dan dia menjunjung perintahNya dengan sebaik-baiknya,¹⁷⁴ maka ia

Jika rangkai kata rangkai kata "حتى يأتي الله بأمره" di dalam firman Allah ini dipakai dengan erti sehingga Allah mengemukakan kekuasaan dan pertolonganNya, maka kekuasaan dan pertolongan Allah itu ternyata dengan jatuhnya Mekah ke tangan Rasulullah s.a.w. dan sekian ramai manusia setelah itu memeluk agama Islam. Sesuai dengan firman Allah di dalam Surah an-Nashr berikut:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۖ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۝

Bermaksud: Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Mekah); (1)

Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai; (2) (an-Nashr:1-2).

¹⁷¹ Untuk menyatakan hakikat yang sama Allah berfirman di dalam ayat yang lain begini:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۝

Bermaksud: Maka sesiapa yang berbuat kebajikan seberat dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. (az-Zalzalah:7).

¹⁷² Orang-orang Yahudi menda'wa: "Sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang yang beragama Yahudi." Orang-orang kristian pula menda'wa: "Sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang yang beragama Kristian."

¹⁷³ dengan beribadat kepadaNya semata-mata, baik dalam keadaan senang mahupun susah, kerana di tempat lain Allah telah berfirman:

وَاذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ۝

Bermaksud: Dan sebutlah nama Tuhanmu serta tumpukanlah ibadatmu kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan. (al-Muzzammil:8).

¹⁷⁴ Antaranya ialah yang tersebut di dalam firman Allah ini:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ
الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ۝

akan mendapat balasan di sisi Tuhannya, tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita.¹⁷⁵ [112].

Bermaksud: Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu apapun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, ibnu sabil dan (juga) hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri. (an-Nisaa':36).

¹⁷⁵ Kerana tidak ada satu pun pahala amalan baiknya yang hilang dengan sia-sia. Allah berfirman:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ

④

Bermaksud: Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tidak ada sesiapa akan teraniaya sedikitpun. Dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawi sekalipun, pasti Kami mendatangkan (pahala)nya. Dan cukuplah Kami sebagai Penghitung. (al-Anbiya':47).